



**KEPADA : WARGA PENSYARAH/MENTOR PELAJAR  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

**PERKARA : PENDAFTARAN KURSUS PELAJAR PROGRAM SARJANA MUDA  
SECARA ATAS TALIAN (*ONLINE*) BAGI:-  
a) SEMESTER PENDEK SESI 2018/2019  
b) SEMESTER I SESI 2019/2020**

**TARIKH : 8 MEI 2019**

Sukacita dimaklumkan, pendaftaran kursus secara atas talian (*online*) bagi pelajar **Sarjana Muda** akan bermula pada **12 Mei 2019 (Ahad) sehingga 29 Jun 2019 (Sabtu)**.

Para pensyarah/mentor pelajar dimohon untuk merujuk **maklumat PENTING** di bawah:-

- 1) Tuan/Puan disarankan untuk merujuk **Peraturan Akademik (Edisi 8)**. Ia boleh dicapai di portal *MyNemo > Akademik > Modul Pensyarah > Makluman Umum*
- 2) Sistem pendaftaran kursus akan dibuka kepada pelajar **bermula jam 9.00 pagi** pada **12 Mei 2019 (Ahad)**.
- 3) Sila ambil mengambal perhatian bagi **Senarai Tindakan** yang perlu dilakukan seperti tertera di dalam profil MyNemo terutamanya bagi transaksi yang melibatkan **tindakan pensyarah/mentor pelajar dan Dekan**.
- 4) Pendaftaran kursus adalah WAJIB dilakukan oleh pelajar bagi meneruskan pengajian.
- 5) **Pelajar adalah bertanggungjawab sepenuhnya** terhadap pendaftaran kursus dan **tiada pendaftaran kursus yang dijana oleh sistem secara automatik** kecuali bagi pelajar baharu.
- 6) Pelajar yang mendapat status amaran atau percubaan hendaklah mendaftar dengan jumlah 12 jam kredit sahaja.
- 7) Pendaftaran kursus boleh dilakukan melalui portal MyNemo Pelajar di pautan <http://mynemo.umt.edu.my>. Ia boleh dilakukan di dalam kampus atau di luar kampus UMT.
- 8) Pelajar yang telah membuat pendaftaran adalah dianggap **telah mendaftar semester berkenaan** kecuali atas sebab-sebab tertentu.
- 9) Pelajar yang gagal membuat pendaftaran kursus dalam tempoh **empat minggu pertama** bagi semester biasa dan **dua minggu pertama** bagi semester pendek, adalah secara automatik namanya akan digugurkan daripada senarai daftar Universiti.
- 10) Pelajar yang akan menjalani **Latihan Industri** pada Semester I Sesi 2019/2020 turut **diwajibkan** membuat pendaftaran kursus berkenaan. Kegagalan pelajar mendaftar kursus berkenaan akan menyebabkan pelajar tidak diberi gred untuk kursus tersebut.
- 11) Pendaftaran kursus **Projek Ilmiah Tahun Akhir (PITA)** wajib didaftarkan sendiri oleh pelajar berdasarkan kepada prasyarat kursus tersebut.

Sekian, harap maklum. Terima kasih

\*\*\*\*\*

Sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Jabatan Pengurusan Akademik  
Universiti Malaysia Terengganu  
No. Telefon : 09-6684219/4146 No. Faks : 09-6684143